

***Program Rujukan Pelanggan
Alliance Privilege dan Alliance Personal
2025***

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Am

1. "Program Rujukan Pelanggan Alliance Privilege dan Alliance Personal 2025" ("**Program**") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("**Bank**") dan akan dijalankan dari 1 April 2025 hingga 30 September 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain sedemikian yang mungkin dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Program**").
2. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk diikat oleh dan menerima semua Terma dan Syarat.

Kelayakan

3. Program ini dibuka kepada pelanggan Bank sedia ada ("**Pelanggan yang Layak**") mengikut promosi dan tawaran seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1**:

Jadual 1

Tawaran	Pelanggan yang Layak
Promosi A – Program Rujukan Pelanggan Alliance Privilege (PB)	Dibuka kepada semua pelanggan individu yang memenuhi syarat berikut (" Perujuk PB yang Layak "): <ol style="list-style-type: none">a. mengekalkan semua akaun mereka dengan Bank (dan anak syarikatnya) dalam kedudukan baik, tanpa melanggar sebarang terma dan syarat atau perjanjian yang berkaitan;b. menyerahkan borang rujukan yang lengkap kepada Bank dalam Tempoh Program melalui Borang Rujukan Dalam Talian Alliance Privilege ("Borang Rujukan") seperti yang dihuraikan dalam Klausula 7 di bawah;c. memperkenalkan pelanggan Alliance Privilege Baharu yang memenuhi syarat Orang Dirujuk yang Layak seperti yang dihuraikan dalam Klausula 5 di bawah.
Promosi B – Program Rujukan Pelanggan Alliance Personal (AP)	Dibuka kepada semua pelanggan individu yang memenuhi syarat berikut (" Perujuk AP yang Layak "): <ol style="list-style-type: none">a. mengekalkan semua akaun mereka dengan Bank (dan anak syarikatnya) dalam kedudukan baik, tanpa melanggar sebarang terma dan syarat atau perjanjian yang berkaitan;b. menyerahkan borang rujukan yang lengkap kepada Bank dalam Tempoh Program melalui Borang Rujukan Dalam Talian Alliance Personal ("Borang Rujukan") seperti yang dihuraikan dalam Klausula 7 di bawah;c. memperkenalkan pelanggan Alliance Personal Baharu yang memenuhi syarat Orang Dirujuk yang Layak seperti yang dihuraikan dalam Klausula 5 di bawah.

4. Walau apa pun perkara di atas, individu seperti berikut tidak layak untuk menyertai Program ini:
 - a. Kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank;
 - b. Pelanggan yang mempunyai akaun dormant atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank;
 - c. Pelanggan yang mempunyai akaun yang tertunggak atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan Bank;
 - d. Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau yang dihukum bankrap;
 - e. Pelanggan yang ingkar dalam sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Program;
 - f. Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya;
 - g. Entiti bukan individu yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.

5. Untuk menyertai Program ini, syarat berikut perlu dipenuhi oleh bakal pelanggan ("**Orang Dirujuk yang Layak**"):
- a. Orang Dirujuk yang Layak untuk Promosi A (i) – RM800 Ganjaran Tunai, mesti:
- (i) seorang individu berumur 18 tahun dan ke atas;
 - (ii) menjadi pelanggan baharu Alliance Privilege yang tidak mempunyai sebarang hubungan keistimewaan sebelumnya dengan Bank selama dua belas (12) bulan yang lepas sebelum bermulanya Tempoh Program ini;
 - (iii) menjadi pelanggan Baharu Utama Alliance Privilege dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("**NIA AUM**") minimum sebanyak RM300,000 dan membuka/mengekalkan sekurang-kurangnya satu Akaun Alliance SavePlus atau Akaun Alliance Hybrid dengan Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan;
 - (iv) mempunyai Pelaburan dan/atau Bankasurans Premium Berkala baharu ("**Produk Kekayaan**"), tertakluk kepada Terma dan Syarat di sini;
Pelaburan
 - Untuk transaksi Pelaburan baharu, Orang Dirujuk yang Layak mesti mempunyai akaun/profil/rekod Pelaburan Utama baharu dan/atau sedia ada dengan jumlah transaksi pelaburan baharu terkumpul sekurang-kurangnya RM10,000 dalam sistem perbankan kami dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan.
 - Akaun Pelaburan Sertaan untuk Program ini adalah Akaun Unit Amanah, Akaun Pelaburan Berstruktur, Akaun Pelaburan Dwi Mata Wang dan Akaun Sekuriti Runcit/Sukuk Runcit. Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) tidak termasuk dalam Akaun Pelaburan Sertaan. Senarai produk Pelaburan Sertaan disediakan di cawangan dan/atau boleh diminta daripada pengurus perhubungan.Bankasurans Premium Berkala
 - Untuk polisi Bankasurans Premium Berkala, Orang Dirujuk yang Layak mesti mempunyai jumlah premium tahunan terkumpul sekurang-kurangnya RM10,000 yang dikeluarkan dalam tempoh 90 hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan.
 - Permohonan Bankasurans Premium Berkala mesti diserahkan kepada, diterima dan dikeluarkan oleh Manulife Insurance Berhad dalam tempoh 90 hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan;
 - Orang Dirujuk yang Layak mestilah pemegang polisi untuk polisi Bankasurans Premium Berkala;
 - Sekiranya permohonan atau polisi Bankasurans Premium Berkala ditolak, ditamatkan, dibatalkan, ditangguh atau luput dalam tempoh 90 hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan, Pelanggan yang Layak tidak lagi layak untuk menyertai promosi.
 - Senarai produk Bankasurans Premium Berkala sertaan disediakan di cawangan dan/atau boleh diminta daripada pengurus perhubungan.
 - (v) mengekalkan NIA AUM minimum selama tiga (3) bulan berturut-turut selepas ditandakan sebagai Alliance Privilege;
- b. Orang Dirujuk yang Layak untuk Promosi A (ii) – RM200 Ganjaran Tunai, mesti:
- (i) seorang individu berumur 18 tahun dan ke atas;
 - (ii) menjadi pelanggan baharu Alliance Privilege yang tidak mempunyai sebarang hubungan keistimewaan sebelumnya dengan Bank selama dua belas (12) bulan yang lepas sebelum bermulanya Tempoh Program ini;
 - (iii) menjadi pelanggan Baharu Utama Alliance Privilege dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("**NIA AUM**") minimum sebanyak RM300,000 dan membuka/mengekalkan sekurang-kurangnya satu Akaun Alliance SavePlus atau Akaun Alliance Hybrid dengan Bank dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan;
 - (iv) mengekalkan NIA AUM minimum selama tiga (3) bulan berturut-turut selepas ditandakan sebagai Alliance Privilege;
- c. Orang Dirujuk yang Layak untuk Promosi B – RM128 Ganjaran Tunai, mesti:
- (i) seorang individu berumur 18 tahun dan ke atas;
 - (ii) menjadi pelanggan Baharu ("**NTB**") Alliance Personal yang tidak mempunyai sebarang hubungan sebelumnya dengan Bank selama 12 bulan yang lepas sebelum bermulanya Tempoh Program ini;

- (iii) menjadi pelanggan Baharu Utama Alliance Personal dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih (“NIA AUM”) minimum sebanyak RM100,000 dan membuka/mengekalkan sekurang-kurangnya satu Akaun Alliance SavePlus atau Akaun Alliance Hybrid dengan Bank dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyerahan Borang Rujukan;
- (iv) mengekalkan NIA AUM minimum selama tiga (3) bulan berturut-turut selepas ditandakan sebagai Alliance Personal;

d. sekiranya akaun Orang Dirujuk yang Layak adalah akaun bersama, maka akaun tersebut akan dianggap sebagai satu rujukan sahaja, tanpa mengira bilangan pemegang akaun.

6. NIA AUM merujuk kepada Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad (“ASNB”) dan Bankasurans Premium Berkala (“RP”)).

Untuk mengelakkan keraguan, jumlah pelaburan dikira berdasarkan harga pasaran harian bagi produk pelaburan masing-masing.

Kaedah Program

7. Perujuk PB yang Layak dan/atau Perujuk AP yang Layak (secara kolektif dikenali sebagai “**Perujuk yang Layak**”) perlu menyerahkan rujukan kepada Bank dalam Tempoh Program melalui Borang Rujukan:

Segmen	Borang Rujukan
Alliance Privilege	https://www.alliancebank.com.my/PBREFER
Alliance Personal	https://www.alliancebank.com.my/APREFER

8. Ia adalah tanggungjawab Perujuk yang Layak untuk memastikan bahawa maklumat yang diberikan dalam Borang Rujukan (nama seperti dalam Kad Pengenalan/Pasport, No. Kad Pengenalan/No. Pasport) sepadan dengan rekod Bank. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Perujuk yang Layak hilang kelayakan dan/atau penyerahan rujukan menjadi tidak sah dan/atau Ganjaran ditarik balik.

9. Dengan melengkapkan Borang Rujukan, Perujuk yang Layak mewakili, berjanji dan mengesahkan kepada Bank perkara berikut:
 - a. Perujuk yang Layak telah mendapat kebenaran daripada Orang Dirujuk yang Layak untuk mendedahkan nama dan butiran hubungan beliau kepada Bank;
 - b. Orang Dirujuk yang Layak tidak mempunyai bantahan sekiranya Bank menghubungi mereka untuk tujuan Program ini;
 - c. Perujuk yang Layak telah memaklumkan Orang Dirujuk yang Layak untuk membaca Notis & Penyata Prinsip Pilihan di laman web Bank di <https://alliancebank.com.my/personal-data-protection-act-2010.aspx>; dan
 - d. Perujuk yang Layak bersetuju dan membenarkan nama beliau didedahkan kepada Orang Dirujuk yang Layak untuk tujuan Program ini.

10. Pelanggan yang Layak berhak mendapat Ganjaran Tunai seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 2** di bawah:

Jadual 2

Tawaran	Kriteria	Ganjaran Tunai	Had
Promosi A (i)	Setiap satu (1) Rujukan Alliance Privilege yang Berjaya dengan minimum: <ul style="list-style-type: none"> • langganan Produk Pelaburan terkumpul sebanyak RM10,000, atau • langganan premium tahunan terkumpul sebanyak RM10,000 untuk Bankasurans Premium Berkala oleh Orang Dirujuk yang Layak 	RM800	Dihadkan kepada 200 unit pertama sahaja

Tawaran	Kriteria	Ganjaran Tunai	Had
Promosi A (ii)	Setiap satu (1) Rujukan Alliance Privilege yang Berjaya tanpa Pelaburan dan/atau langganan Bankasurans Premium Berkala oleh Orang Dirujuk yang Layak	RM200	Dihadkan kepada 400 unit pertama sahaja
Promosi B	Setiap satu (1) Rujukan Alliance Personal yang Berjaya	RM128	Dihadkan kepada 200 unit pertama sahaja

11. Untuk Promosi A (i) dan (ii):
 - a. Apabila Orang Dirujuk yang Layak berjaya diterima sebagai pelanggan Alliance Privilege ("**Rujukan Berjaya**"), Perujuk PB yang Layak akan menerima Ganjaran Tunai sehingga RM800 untuk setiap Rujukan Berjaya tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan dalam **Jadual 2**.
 - b. Ganjaran Tunai untuk Promosi A (i) dihadkan kepada 200 unit pertama sahaja mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.
 - c. Ganjaran Tunai untuk Promosi A (ii) dihadkan kepada 400 unit pertama sahaja mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.
12. Untuk Promosi B:
 - a. Apabila Orang Dirujuk yang Layak berjaya diterima sebagai pelanggan Alliance Personal ("**Rujukan Berjaya**"), Perujuk AP yang Layak akan menerima Ganjaran Tunai RM128 untuk setiap Rujukan Berjaya.
 - b. Ganjaran Tunai untuk Promosi B dihadkan kepada 200 unit pertama sahaja mengikut dasar tiba dahulu layan dahulu.
13. Program ini akan tamat apabila Bank mencapai unit Ganjaran Tunai yang diperuntukkan atau pada penghujung Tempoh Program, yang mana lebih awal.
14. Satu (1) Rujukan Berjaya akan layak mendapat hanya satu (1) unit Ganjaran Tunai.
15. Sekiranya Orang Dirujuk yang Layak dirujuk untuk kedua-dua Promosi A dan Promosi B, dan rujukan tersebut berjaya, maka Perujuk yang Layak akan menerima Ganjaran Tunai berdasarkan borang rujukan pertama yang diserahkan seperti dalam Klausula 7.
16. Tidak ada had ke atas bilangan Ganjaran yang boleh diterima oleh Perujuk yang Layak.
17. Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Alliance SavePlus Utama ("Akaun yang Layak") Pelanggan yang Layak dalam tempoh 60 hari selepas pemenuhan Klausula 5.
18. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mempunyai Akaun yang Layak, Ganjaran Tunai akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/Akaun Simpanan Utama Pelanggan yang Layak (tidak termasuk Akaun Pembiayaan Margin Saham, Savelink, Mata Wang Asing) dengan baki tertinggi pada akhir Tempoh Program.
19. Ganjaran Tunai tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam apa-apa bentuk sekalipun. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak lain sekalipun untuk memberi atau menukar Ganjaran Tunai kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3).
20. Jika terdapat beberapa penyerahan yang serupa bagi butiran Orang Dirujuk yang Layak, Perujuk yang Layak yang pertama menyerahkan Borang Rujukan kepada Bank akan layak menerima Ganjaran Tunai apabila Orang Dirujuk yang Layak diterima sebagai pelanggan Alliance Privilege/Alliance Personal.

21. Untuk Produk Pelaburan:

- a. Untuk pelaburan dalam mata wang asing, Akaun Pelaburan adalah berasaskan mata wang tempatan yang setara.
- b. Pelanggan yang Layak mengakui bahawa pelaburan dalam mata wang asing adalah tertakluk kepada Notis Pertukaran Asing yang lazim di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Bergantung pada status pemastautin Pelanggan yang Layak, dan sama ada Pelanggan yang Layak mempunyai peminjaman/pembiayaan dalam ringgit domestik, pelaburan dalam mata wang asing mungkin akan dikenakan had.
 - (i) Pelanggan yang Layak yang tidak mempunyai Peminjaman Ringgit Domestik¹ dibenarkan untuk meminjam sebarang jumlah; atau
 - (ii) Pelanggan yang Layak yang mempunyai Peminjaman Ringgit Domestik¹ dibenarkan untuk meminjam:
 - Sebarang jumlah menggunakan dana mata wang asing yang tersedia; atau
 - Sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat bagi setiap tahun kalendar menggunakan:
 - Dana mata wang asing yang diperoleh daripada penukaran ringgit;
 - Sebarang pemindahan daripada Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (TFCA) kepada Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (IFCA);
 - Melalui penukaran aset kewangan;
 - Sehingga RM10 juta bersamaan secara agregat bagi pinjaman mata wang asing yang diperoleh pemastautin daripada Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") atau bukan pemastautin.
 - (iii) Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa jika Jumlah Pelaburan melebihi sebarang had yang ditetapkan oleh Notis Pertukaran Asing, Bank boleh mendebit akaun, menukar lebih kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank yang berkenaan dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan yang Layak dengan Bank.

22. Pelanggan yang Layak perlu menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan Produk Sertaan beliau di bawah Program, yang berasingan daripada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat.

¹ Peminjaman Ringgit Domestik merujuk kepada:

- i. sebarang kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan Ringgit, peminjaman, saham keutamaan boleh tebus, saham keutamaan boleh tebus Islam, Bon Korporat atau Sukuk yang diperoleh Pemastautin daripada Pemastautin lain tidak termasuk:
 - a. tempoh kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan;
 - b. had kredit yang dibahagikan oleh Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") untuk pelanggannya menjalankan transaksi Asas Hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan pertukaran atau penukaran hutang Ringgit atau Mata Wang Asing kepada hutang Mata Wang Asing yang lain atau pertukaran hutang Mata Wang Asing dengan hutang Ringgit;
 - c. Jaminan Kewangan atau Jaminan Bukan Kewangan;
 - d. kemudahan pajakan operasi;
 - e. kemudahan pemfaktoran tanpa bantuan;
 - f. kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin untuk membeli satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan; atau
 - g. kemudahan kad kredit dan kad caj yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin
- ii. apa-apa kewajipan yang dipertimbangkan atau dianggap sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah sebarang Notis Pertukaran Asing.

General

23. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat di sini.

24. Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu Terma dan Syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.

25. Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Program ini adalah muktamad dan akan mengikat Pelanggan yang Layak. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertikaian berhubung dengan yang sama tidak akan dilayan.
26. Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan pemberian notis untuk disiarkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan tersebut.
27. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Program tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan sedemikian.
28. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Program ini.
29. Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan bersetuju dengan pengumpulan data peribadi, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran hubungan), oleh Bank kepada syarikat sekutunya, penyedia perkhidmatan mengikut keperluan dan apabila diperlukan, untuk tujuan melaksanakan dan menjalankan perkhidmatan Program ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi termasuk semua data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk semua data yang anda telah dedahkan.
30. Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Notis dan Penyata Prinsip Pilihan yang terdapat di laman web Bank (<https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf>) dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Program ini.
31. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
32. Berdasarkan penyertaan dalam Program ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan Perbankan dan 'Scam' Kewangan

33. Bank mungkin menyediakan maklumat atau kandungan terkini dari semasa ke semasa bagi mendidik Pelanggan yang Layak dan mewujudkan kesedaran yang membantu mencegah atau mengurangkan risiko penipuan dan 'scam'. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini perisian/sistem pengendalian/aplikasi/versi, dan keperluan pengawalseliaan daripada mana-mana badan pentadbir yang berkaitan.

34. Pelanggan yang Layak perlu menyimpan semua instrumen perbankan dalam penjagaan selamat, contohnya, buku cek/kepingan cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC). Pelanggan yang Layak perlu memaklumkan Bank dengan serta-merta apabila menyedari bahawa mana-mana perkara di atas telah hilang atau digunakan tanpa kebenaran atau kebenaran yang sewajarnya. Pelanggan yang Layak yang Layak tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian akibat daripada transaksi tanpa kebenaran yang berlaku selepas Pelanggan yang Layak memaklumkan Bank menurut Terma dan Syarat ini bahawa instrumen perbankan Pelanggan yang Layak yang disebutkan di atas telah hilang, disalahgunakan, dicuri, dikompromi atau dilanggar.
35. Jika apa-apa kerugian atau ganti rugi yang dialami oleh Pelanggan yang Layak adalah disebabkan semata-mata oleh kecuaiannya sengaja Bank, liabiliti tunggal dan keseluruhan Bank (sama ada berkenaan dengan satu atau lebih tuntutan) kepada Pelanggan yang Layak dalam kontrak atau tort tidak boleh melebihi jumlah transaksi yang menimbulkan tuntutan atau ganti rugi langsung tersebut yang dialami, yang mana lebih rendah. Walau apa-apa sekalipun, Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian perniagaan, kehilangan keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, ganti rugi tidak langsung, turutan, khas atau sampingan, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pengeluaran, ganjaran, penalti, prosiding dan kos tanpa mengira sama ada kemungkinan kerugian atau ganti rugi tersebut telah didedahkan kepada, atau boleh dijangka secara munasabah oleh Bank.
36. Apabila dimaklumkan oleh Pelanggan yang Layak tentang kejadian tersebut, Bank akan menjalankan siasatan dan Pelanggan yang Layak perlu memberi maklumat dan kerjasama yang sewajarnya bagi memudahkan penyiasatan. Bank dengan ini dibenarkan untuk mengambil langkah seperti berikut selepas pengesanan kejadian (dengan/tanpa kebenaran daripada pelanggan terlebih dahulu) untuk mencegah atau mengurangkan kerugian kewangan selanjutnya ketika Bank menjalankan penyiasatan:
- i. Menggantung atau membeku akaun yang terlibat;
 - ii. Membatalkan atau menetapkan semula akses internet atau perbankan mudah alih Pelanggan; dan/atau
 - iii. Membatalkan kesahan instrumen perbankan;
- dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan selepas perkara di atas telah dilaksanakan.

Produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Manulife Insurance Berhad adalah ahli PIDM.

Produk Bankasurans Premium Berkala Berkaitan Pelaburan

Perlindungan PIDM untuk manfaat yang dibayar daripada bahagian unit polisi adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Produk Bankasurans Premium Berkala Tidak Berkaitan Pelaburan

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENAFIAN UNTUK PRODUK BANKASURANS

Sebelum membeli polisi insurans, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Brosur Produk, Lembaran Maklumat Produk dan Ilustrasi Produk bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting dan pengecualian utama pelan insurans tersebut.

Produk insurans ini ditaja jamin oleh Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M)), sebuah syarikat insurans berlesen yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan diedarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") (198201008390 (88103-W)). Bank tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Manulife Insurance Berhad.

PENAFIAN UNTUK PRODUK PELABURAN

- *Maklumat yang terkandung disini adalah untuk rujukan dan tujuan maklumat am sahaja dan ia tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran untuk menjual, permintaan untuk membeli atau melanggan mana-mana Produk Pelaburan.*
- *Produk pelaburan bukanlah kewajipan bank, tidak dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan (contohnya, risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan.*
- *Pelabur dinasihatkan untuk membaca, memahami dan mengkaji dengan teliti faktor risiko yang dinyatakan dalam kandungan dokumen berkaitan produk pelaburan masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat serta lembaran sorotan produk sebelum melabur. Untuk maklumat lanjut dan mendapatkan salinan Prospektus atau Memorandum Maklumat atau Helaian Sorotan Produk, sila lawati cawangan terdekat atau rujuk dengan Pengurus Perhubungan/Kakitangan Jualan kami.*
- *Pelabur juga perlu mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Prestasi masa lampau produk pelaburan bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan.*
- *Pelabur perlu mempertimbangkan dengan teliti sama ada sebarang pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan mereka sendiri. Jika ada sebarang keraguan, pelabur harus mendapatkan nasihat profesional bebas.*
- *Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).*